

# Sungai Congkak kini tercemar

Oleh SYED AHMAD ZULKARNAIN ALI  
berita@kosmo.com.my

HULU LANGAT – Sudahlah dikenakan bayaran masuk RM1 seorang, ramai pengunjung di Congkak Park and Resort di sini pulang dalam keadaan sakit hati kerana kemudahan dan aspek kebersihan di kawasan riadah itu kelihatan tidak terjaga.

Mereka mempersoalkan kewajaran kutipan masuk itu terus dikenakan sedangkan tujuan asal dana tersebut ialah bagi membiayai penjagaan kebersihan dan penyelenggaraan kawasan.

Kawasan itu yang dimiliki sebuah agensi kerajaan negeri Selangor menyaksikan banyak kemudahan seperti kerusi, meja dan siar kaki sudah berlumut, manakala tempat persalinan juga kotor serta berbau hancing.

Keadaan di sekeliling juga menyakitkan mata kerana ia dicemari dahan-dahan dan pokok-pokok yang tumbang dibiarkan reput.

Para pengunjung juga mengeluh kerana terpaksa berbelanja lebih 30 sen setiap kali mahu menggunakan tandas sehingga ia menjadi mangsa vandalisme.

Seorang pengunjung, Yusri Halim berkata, kawasan itu seperti tidak dijaga.

“Ini tempat tumpuan orang ramai yang membayar. Jagalah khazanah ini



**POKOK** yang tumbang di Congkak Park and Resort, Hulu Langat ini dibiarkan berlonggok tanpa dibersihkan dengan sempurna.

sebaiknya.

“Lagipun kalau dijaga dengan betul ia boleh menjadi destinasi kesukaan ramai,” katanya.

Bagi pengunjung yang mahu dikenali sebagai Mohammad, 22, kawasan riadah sepatutnya tidak dikenakan caj kerana ia insentif meng-

galakkan rakyat mengamalkan gaya hidup sihat.

“Saya lebih suka kalau tempat ini dikenakan deposit keselamatan. Jika

pengunjung bawa keluar sampah yang dibawa, mereka akan memperoleh satu bentuk insentif.

“Kita mesti menggalakkan rakyat kita bertindak secara positif dan reaktif,” katanya.

Seorang lagi pengunjung, Shahrir Sharif tidak berpuas hati kerana perlu membayar RM2 untuk tempat letak kereta.

Dalam pada itu, masalah kekotoran di kawasan tersebut dianggap bukan berpunca daripada pengunjung, tetapi syarikat kontraktor kebersihan yang didakwa tidak menjalankan tugas seperti mana yang diharapkan.

Ahli Majlis Daerah Hulu Langat, Ismail Sani ketika dihubungi semalam menjelaskan, kawasan itu telah diswastakan oleh kerajaan negeri Selangor kepada sebuah syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk menyelenggara dan membangunkan kawasan tersebut.

“Syarikat tersebut sepatutnya menjaga kawasan ini dengan baik dan mempromosikan kawasan riadah itu kepada orang ramai.

“Namun, kekurangan kepakaran dalam bidang ini menyebabkan tempat tersebut tidak terurus,” katanya.

Ismail juga mengakui banyak menerima aduan orang ramai mengenai masalah di Sungai Congkak, tetapi beliau menjelaskan tidak boleh berbuat apa-apa kerana itu adalah keputusan kerajaan negeri.